



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong,
16010 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-741 8000
Faks : 09-748 2554
Laman Web : jpnkelantan.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNKN.100-12/1/4 Jld 2 (14)
Tarikh : 30 Mei 2023

Dr Tan Guan Heng
Ketua Pegawai Eksekutif
Akademi J & W Sdn Bhd
1st Floor, 51-53 A, Jalan SS25/2,
Taman Bukit Emas,
47301 Petaling Jaya

Tuan,

KEBENARAN MENJALANKAN PROGRAM TAKLIMAT KURSUS UNIVERSITI DAN PEKERJAAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI KELANTAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan tiada halangan kepada pihak Akademi J & W Sdn. Bhd. seperti yang dimohon.

3. Kelulusan ini juga tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2018-Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

4. Sehubungan itu, pihak tuan perlu berurusan dengan Pegawai Pendidikan Daerah/Pengetua Sekolah yang terlibat memandangkan sekolah-sekolah tersebut adalah di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah/sekolah berkenaan di samping mematuhi syarat-syarat berikut :

4.1 Mendapat kebenaran daripada Pegawai Pendidikan Daerah/Pengetua sekolah-sekolah terlibat;

4.2 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;

4.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

4.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;

4.5 Murid-murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;

4.6 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;

4.7 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, penginapan, makan dan minum;

4.8 Guru/guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan;

4.9 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru, ibu bapa dan murid yang terlibat;

4.10 Pihak tuan dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;

4.11 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi Pn Wan Shafiah Wan Ab Rahman, Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid di talian 0199269887.


6. Kelulusan ini [Permohonan Melaksanakan Program Taklimat Kursus Universiti Dan Pekerjaan Di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Kelantan] hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh **31 Disember 2023**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ MASHADI BIN DATO' HJ MUSTAFA B.S.K., A.S.K)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p: Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

s.k: Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan